



Headline: Rugi diperdaya pegawai LHDN, polis palsu  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 24 February 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 15

## Rugi diperdaya pegawai LHDN, polis palsu

**KUALA LUMPUR** - Dua individu kerugian RM19,300.50 setelah menjadi mangsa sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis pada Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mahidisham Ishak berkata, kedua-dua mangsa bekerja sebagai pegawai khidmat pelanggan dan pereka bangunan.

"Kedua-dua individu berumur 29 tahun dan 36 tahun itu telah menerima panggilan daripada seorang 'kakitangan LHDN' yang mendakwa mangsa mempunyai masalah cukai yang tertunggak dan belum dijelaskan.

"Panggilan mangsa kemudiannya telah disambungkan kepada 'pegawai polis' dan menerusi panggilan tersebut mangsa telah dimaklumkan bahawa nama mereka terlibat dalam kegiatan jenayah melibatkan kes dadah," katanya dalam satu kenyataan

pada Rabu.

Jelas beliau, mangsa kemudiannya diarahkan untuk memuat turun satu aplikasi dan mengisi maklumat akaun bank ke dalam aplikasi tersebut.

"Selang beberapa minit, mangsa telah menerima notifikasi pesanan ringkas dan mendapati telah berlaku pengurangan wang dalam akaun mereka.

"Jumlah wang yang didapati kurang dalam akaun bank milik kedua-dua mangsa melibatkan sebanyak RM5,600 dan RM13,700.50," kata Mahidisham.

Menurut beliau, menyedari bahawa diri mereka ditipu, kedua-dua mangsa kemudiannya melaporkan kepada polis.

"Siasatan lanjut berkaitan kejadian tersebut masih dalam siasatan polis.

"Kes penipuan berkenaan disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Jenayah Komputer 1997 kerana telah membuat capaian tanpa kuasa yang sah terhadap akaun mangsa," katanya.